

BAB 3

Metodologi Kajian

Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap peranan yang boleh dimainkan oleh rakan sebaya dalam mempertingkatkan pencapaian akademik mereka. Selain itu, pengkaji akan cuba melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan persepsi dari segi jantina. Data-data yang dikumpul akan dijadikan satu panduan yang berfaedah kepada pihak pentadbir sekolah dan guru-guru dalam usaha mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar.

Di dalam bab ini, pengkaji ingin membincangkan metodologi yang akan digunakan untuk memperoleh data-data yang diperlukan. Antara langkah-langkah pendahuluan yang dilakukan sebelum menjalankan penyelidikan ialah menyediakan soalan soal selidik dan mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Rawang Batu 16, Rawang.

Persampelan

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 2 yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang. Sekolah ini merupakan sekolah bercampur dan berbilang kaum. Jumlah pelajar sekolah ini adalah seramai 3159 orang. 46.2% daripada pelajarnya terdiri daripada pelajar Cina, 37.5% adalah pelajar India, 14.5% merupakan pelajar Melayu dan 1.8% merupakan kaum-kaum lain.

Jumlah pelajar tingkatan 2 di sekolah berkenaan adalah seramai 538 orang. Seramai 258 daripadanya adalah pelajar perempuan, manakala pelajar lelaki pula

seramai 280 orang. Pelajar-pelajar tingkatan 2 berkenaan dibahagikan kepada 14 kelas mengikut pencapaian keputusan mereka pada akhir tahun tingkatan 1. Seramai 120 orang pelajar iaitu 22.3% daripada populasi akan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Antaranya, 30 orang pelajar, iaitu 13 pelajar lelaki dan 17 pelajar perempuan yang cemerlang dalam pencapaian prestasi akademik akan dipilih menjadi fasilitator.

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan taburan bilangan sampel pelajar dan fasilitator mengikut kelas-kelas Tingkatan 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing, Rawang.

Jadual 3.1: Taburan Bilangan Sampel Pelajar dan Fasilitator mengikut Kelas

Nama Kelas	Sampel Pelajar		Sampel Fasilitator		Jumlah Sampel Ikut Kelas	Jumlah Pelajar dalam Kelas
	L	P	L	P		
2 Aktif	3	3	3	5	14	42
2 Amanah	3	3	4	4	14	42
2 Bakti	3	3	3	4	13	43
2 Cekal	3	3	3	4	13	40
2 Cekap	4	5	0	0	9	44
2 Dedikasi	4	5	0	0	9	43
2 Gigih	4	5	0	0	9	44
2 Harmoni	3	5	0	0	9	41
2 Ikhlas	2	3	0	0	5	40
2 Iltizam	2	3	0	0	5	37
2 Jaya	3	3	0	0	5	37
2 Jujur	2	3	0	0	5	35
2 Kreatif	2	3	0	0	5	23
2 Mesra	2	3	0	0	5	27
Jumlah Besar	40	50	13	17	120	538
Peratus (%)	7.43	9.29	2.42	3.16	22.30	100.00

Fasilitator-fasilitator yang dipilih telah diberi latihan fasilitator sebanyak 4 sesi. Setiap sesi perjumpaan akan mengambil masa selama satu jam.

Sesi pertama. Fasilitator akan diberitahu mengenai tanggungjawab dan tugas mereka. Mereka juga akan diberitahu mengenai konsep keseluruhan projek ini. Pengkaji juga menjelaskan perbezaan hubungan antara guru-pelajar dengan hubungan antara fasilitator-pelajar. Mereka juga akan diberitahu mengenai sifat-sifat penting seorang fasilitator. Satu senarai semak tutoring diberi kepada fasilitator. Senarai semak itu mengandungi perkara-perkara seperti: a) fasilitator membantu pelajar memperbetul tugas yang silap dibuat dengan mengemukakan pertanyaan yang berfokus kepada jawapan yang betul; b) jika pelajar memberi jawapan yang salah, fasilitator bertanya lagi untuk mendapatkan jawapan tersebut, dan seterusnya fasilitator membimbing pelajar membuat langkah yang betul; c) sekiranya pelajar meminta bantuan fasilitator untuk menyelesaikan masalah tugas, fasilitator perlu memberi respons demi menggalakkan pelajar mencari jawapannya dengan bimbingan fasilitator, bukannya fasilitator yang membuat tugasannya; dan d) tingkah laku fasilitator perlu positif dan menghargai usaha pelajar. Maklum balas negatif sama ada secara lisan atau bukan lisan tidak sekali-kali digalakkan dalam proses tutoring.

Sesi kedua. Sesi ini bertujuan melatih fasilitator untuk menggunakan strategi main peranan sebagai fasilitator dan bahan yang digunakan adalah bahan benar. Dengan cara ini, fasilitator dapat memperoleh pengalaman memberi tutoring dan menjadi lebih peka kepada perasaan dan reaksi pelajar.

Sesi Ketiga. Sesi ini merupakan sambungan kepada latihan dalam sesi pertama dan kedua. Pengkaji membimbing fasilitator dalam memahami tugas mereka sebagai fasilitator dan tanggungjawab mereka kepada pelajar.

Sesi Keempat. Sisi ini dikendalikan selepas sesi tutoring pertama fasilitator dan pelajar. Sesi ini digunakan untuk menjawab soalan fasilitator mengenai pelajar mereka yang telah dipadankan terlebih awal. Fasilitator juga digalakkan untuk mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka selepas sesi tutoring pertama.

Sampel pelajar terdiri daripada 90 orang pelajar, (45 orang lelaki dan 45 orang perempuan). Terdapat 63 orang pelajar Cina, 18 orang pelajar India dan 9 orang pelajar melayu. Kesemua pelajar yang dipilih adalah lemah dalam pencapaian akademik mereka.

Seorang fasilitator akan dipadankan dengan 3 orang pelajar yang sama jantina. Setiap fasilitator akan mengajar satu atau dua mata pelajaran yang dapat dikuasai oleh mereka dengan baik.

Instrumen kajian

Instrumen kajian berbentuk soalan soal selidik yang dibahagikan kepada 2 set soalan iaitu Set A dan Set B. Soalan Set A akan dijawab oleh pelajar, manakala soalan Set B pula akan dijawab oleh fasilitator.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan 2 set soal selidik, Set A yang dijawab oleh pelajar dan Set B yang dijawab oleh fasilitator. Soal selidik Set A mengandungi 21 soalan yang dibahagikan kepada 4 bahagian. Bahagian A mengandungi 5 soalan jenis isi tempat kosong. Soalan 1 adalah mengenai jantina sampel, soalan 2 adalah mengenai nama kelas sampel, soalan 3 adalah mengenai umur sampel, soalan 4 adalah mengenai orang yang akan sampel tujui apabila menghadapi sesuatu masalah dalam bidang akademik dan soalan 5 adalah mengenai kekerapan sampel bertemu dengan fasilitator.

Bahagian B soal selidik Set A pula mengandungi 11 pernyataan mengenai faedah-faedah dalam bidang akademik yang sampel peroleh daripada fasilitator selepas sesi tutoring. Sampel dikehendaki memilih salah satu daripada lima pilihan yang disenaraikan. Pilihan-pilihan tersebut adalah Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS).

4 soalan di Bahagian C bertujuan meninjau faedah-faedah lain yang dapat sampel peroleh daripada fasilitator selepas sesi tutoring. Faedah-faedah tersebut adalah: i) kemahiran mengurus masa; ii) kemahiran membuat nota; iii) keyakinan diri; dan iv) kemahiran menggunakan buku rujukan. Sampel juga dikehendaki memilih jawapan Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS).

Bahagian D pula mengandungi 1 soalan yang mengandungi 9 item. Sampel boleh memilih item-item yang pada pendapat mereka dapat mempertingkatkan pencapaian akademik mereka. Item-item tersebut adalah: a) perbincangan berkumpulan dalam kelas; b) kuiz; c) membaca buku-buku berfaedah; d) sesi soal jawab dalam kelas; e) menyertai kelas tuisyen; f) mengadakan lawatan sambil belajar; g) bahan-bahan bantuan mengajar yang sesuai dan menarik; h) pembentangan kertas kerja dalam kelas; dan i) membuat tugas secara berkumpulan. Soalan dalam bahagian ini bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai bantuan-bantuan lain yang mungkin dapat mempertingkatkan pencapaian prestasi pelajar.

Soal selidik set B pula direka untuk diisi oleh fasilitator. Set soalan ini mengandungi 19 soalan dan dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian A mengandungi 5 soalan yang jenis isi tempat kosong. Soalan 1 adalah mengenai jantina fasilitator, soalan 2 mengenai nama kelas fasilitator, soalan 3 mengenai umur fasilitator, soalan 4 mengenai orang yang akan tujui oleh fasilitator apabila

menghadapi masalah dalam bidang akademik dan soalan 5 adalah kekerapan fasilitator menjalankan sesi tutoring bersama pelajar.

Bahagian B mengandungi 13 pernyataan mengenai peranan fasilitator dalam sesi tutoring selepas mengikuti latihan fasilitator selama satu bulan. Fasilitator dikehendaki menyatakan gerakbalas mereka sama ada mereka Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju (STS) dengan pernyataan yang dikemukakan. Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan kemahiran membimbing fasilitator yang diperoleh daripada modul latihan yang telah disediakan.

Bahagian C pula mengandungi satu pernyataan yang merangkumi 7 item, yang bertujuan untuk mendapat maklumat tentang bantuan-bantuan lain yang masih diperlukan oleh fasilitator dalam membantu pelajar bimbingan mereka. Fasilitator dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu item yang dirasakan perlu. Antara item-item yang diberi dalam pernyataan ini adalah: a) kemahiran berkomunikasi; b) kemahiran menyediakan bahan pengajaran; c) kemahiran mengemukakan soalan; d) kemahiran memberi motivasi kepada pelajar; e) kemahiran pengurusan masa; f) kemahiran penyampaian ide; dan g) kemahiran mendengar masalah pelajar.

Kebanyakan soalan di bahagian ini adalah diubah suai daripada soalan kajian Zuraidah (1988). Terdapat juga soalan-soalan yang direka oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian.

Prosedur penyelidikan

Secara keseluruhan, prosedur kajian dapat dirumuskan seperti berikut: i) mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa; ii) mendapat maklumat tentang bilangan kelas dan jumlah pelajar tingkatan 2 di sekolah kajian; iii) memilih

fasilitator yang sesuai dan memberikan latihan yang berstruktur. Modul yang digunakan dalam latihan adalah diubahsuai dari modul Zuraidah (1988). iv) memadankan pelajar dengan fasilitator; v) menjalankan sesi tutoring selama 2 bulan; vi) memilih dan menyediakan item-item soal selidik; vii) menjalankan ujian rintis di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 16, Rawang, Selangor Darul Ehsan; viii) mencetak instrumen kajian yang muktamad untuk kajian ini; ix) mengumpulkan semua sampel kajian di dalam sebuah kelas. Sampel-sampel akan diberi penerangan tentang tujuan kajian dan cara-cara menjawab soalan. Sampel juga dinasihatkan agar tidak membincangkan jawapan dengan kawan-kawan demi menjamin ketepatan dan kesahihan data. Mereka juga diingatkan supaya bertanya pengkaji sekiranya terdapat sebarang kerumitan atau kekeliruan. Selain dari itu, sampel juga diberitahu bahawa semua jawapan yang diberikan akan dirahsiakan. Masa selama 30 hingga 40 minit diperuntukan dalam menjawab setiap naskah soal selidik; x) mengumpulkan soal selidik yang telah dijawab; xi) menjalankan proses pengkodan data; dan xii) menjalankan proses analisis data.

Analisis data

Dalam kajian ini, analisis data akan dilakukan seperti berikut: i) data yang diperoleh melalui soalan soal selidik akan dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)*; ii) untuk melihat keberkesanan kajian yang dijalankan, analisis statistik deskriptif seperti peratusan dan taburan kekerapan digunakan; iii) jadual silang (*cross-tabulation*) dan ujian khi kuasa dua (*chi-square test*) digunakan untuk melihat: a) sama ada terdapat perbezaan persepsi antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki mengenai peranan dan faedah yang diperoleh daripada fasilitator rakan sebaya; dan b)

sama ada terdapat perbezaan persepsi antara fasilitator lelaki dan fasilitator perempuan mengenai keberkesanan modul latihan yang diberikan kepada mereka.

Manakala bagi cadangan cara-cara lain yang boleh mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dan bantuan-bantuan lain yang boleh diperlukan oleh fasilitator, maklumat-maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan diulas untuk membaiki kualiti program rakan sebaya yang akan datang.

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian

Bagi memelihara kesahan dan kebolehpercayaan data-data yang dipungut, tindakan-tindakan berikut akan diambil: i) identiti sampel adalah dirahsiakan. Sampel kajian tidak perlu menulis nama mereka. Mereka juga akan diyakinkan bahawa maklumat-maklumat diberikan oleh mereka adalah "rahsia" dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja; ii) ujian rintis dijalankan kepada sekumpulan pelajar tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 16, Rawang, Selangor. Ujian rintis juga bertujuan memperbaiki instrumen soal selidik dari segi pembentukan item, kesesuaian bahasa serta mendapatkan anggaran masa yang digunakan oleh pelajar-pelajar untuk menjawab soal selidik ini.